

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA :4(B)(VIII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

17. Bilangan gelandangan semakin meningkat dan keadaan semakin membimbangkan. Sila nyatakan.
- (a) Statistik jumlah gelandangan di Pulau Pinang mengikut pecahan kaum, gender, umur dan status keluarga.
  - (b) Huraikan apakah perancangan serta usaha terkini antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan gelandangan.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. (a) Statistik gelandangan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKM) adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi ketika operasi menyelamat dan jumlah keseluruhan gelandangan mungkin lebih tinggi atau data sedia ada ini berkemungkinan terjadi pengiraan berganda memandangkan pangkalan data *profiling* masih di peringkat pembangunan. Perincian jumlah gelandangan mengikut pecahan kaum, gender dan umur adalah seperti di Lampiran A. Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat perincian mengikut status keluarga.
- (b) Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk membina sebuah pusat transit gelandangan di Lot 19, Jalan C.Y. Choy, Georgetown. Bangunan ini adalah bangunan rumah kedai dua tingkat milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Program ini akan menempatkan gelandangan di pusat transit tersebut selama 6 hingga 12 bulan. Pengurusan penempatan gelandangan ini dicadang diuruskan oleh pihak Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri melalui JKM.

Sepanjang tempoh tersebut, gelandangan akan diberi latihan yang bersesuaian dengan kemampuan dan minat mereka. Pekerja sosial atau sukarelawan daripada NGO akan menjadi tenaga penggerak dalam program ini. Seterusnya, kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta akan dipertingkatkan dengan menggalakkan pihak majikan mengambil golongan ini sebagai pekerja mereka.

Manakala, bagi gelandangan yang tidak produktif seperti warga emas, ataupun mereka yang mempunyai penyakit berjangkit, mereka akan ditempatkan di pusat-pusat yang dikendalikan oleh NGO yang sedia ada secara kekal sekiranya mereka ini sebatang kara ataupun saudara mara dan anak-anak mereka tidak dapat dikesan. Kerajaan Negeri akan memberikan geran pentadbiran dan rangsum kepada NGO yang berkaitan.

Selain itu, Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia juga sedang membangunkan sistem *profiling* gelandangan dan telah memilih Pulau Pinang sebagai *pilot project*. Sistem ini akan merekodkan maklumat-maklumat berkaitan gelandangan yang diselamatkan melalui aplikasi telefon pintar atau komputer dan membantu pegawai penguatkuasa mengenal pasti gelandangan sama ada kes baharu atau berulang. Dengan adanya sistem *profiling* ini, ianya dapat membantu agensi kerajaan yang berkaitan dalam merangka strategi yang bersesuaian untuk membantu golongan gelandangan.

Manakala tindakan berterusan yang diambil adalah seperti berikut:-

- (i) Menjalankan operasi menyelamat gelandangan di mana bagi tempoh Januari hingga Jun 2018, sebanyak 242 operasi telah dilaksanakan oleh JKM melibatkan operasi secara berkala sebanyak 78 kali, operasi bersepdu sebanyak 24 kali dan operasi berdasarkan aduan sebanyak 140 kali. Gelandangan berumur 60 tahun ke

atas yang diselamatkan akan ditempatkan di Rumah Seri Kenangan (Bedong, Taiping, Tanjung Rambutan atau Kangar) manakala yang berumur 60 tahun ke bawah akan ditempatkan di Desa Bina Diri (Mersing atau Jerantut). Terdapat juga gelandangan yang ditempatkan di pusat jagaan NGO sekitar Pulau Pinang.

- (ii) Meneruskan kempen sedia ada iaitu "Bijak Membantu, Elak Tertipu" yang dilancarkan pada 27 November 2017 bagi mendidik masyarakat berkaitan isu gelandangan melalui pengiklanan di *billboard* di sekitar KOMTAR. Kempen ini juga dilakukan di beberapa pusat membeli belah seperti Pasaraya Mydin, Tesco, Stesen Keretapi Butterworth, Terminal Feri Pulau Pinang, Padang Kota, sekitar masjid-masjid, pasar-pasar malam dan program-program jabatan seperti Program Kembara Kebajikan.
- (iii) Mengadakan program advokasi yang berterusan kepada jabatan kerajaan, pihak swasta, NGO, Institut Pengajian Tinggi dan orang ramai berkenaan isu gelandangan.
- (iv) Mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama agensi kerajaan dan swasta bagi membincang dan menyelesaikan isu-isu berbangkit mengenai gelandangan. Setakat ini, JKM telah mengadakan sebanyak lima kali mesyuarat penyelarasan di peringkat daerah dan dua kali di peringkat negeri.
- (v) Manakala Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan Pusat Transit Gelandangan iaitu Anjung Singgah Pulau Pinang di Lot No.53, Lebuh Chulia, Pulau Pinang yang beroperasi sejak 9 Jun 2014. Anjung Singgah juga bekerjasama dengan kerajaan negeri, NGO dan swasta bagi memberi penempatan dan perlindungan kepada gelandangan.

